

21 NOV 1996

DR MAHATHIR LAWAT BELANDA BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi ke Netherlands dari 4 hingga 5 Dis atas jemputan kerajaan Belanda.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, lawatan itu sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Netherlands Ruud Lubbers ke Malaysia pada 1988.

Program lawatan Perdana Menteri akan termasuk mesyuarat dengan rakan sejawatannya Wim Kok dan menghadap Ratu Beatrix. Beliau juga dijadualkan melawat pelabuhan Rotterdam, Fokker Space, Stadium Arena dan Pertubuhan Penyelidikan Sains Gunaan Belanda.

Dr Mahathir akan diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa menteri kabinet dan pegawai kanan kerajaan pada lawatan itu.

Sehari sebelum lawatan rasmi itu, Dr Mahathir dijadual memberi ucapan-utama pada Persidangan Panel Global yang tahun ini memberi tumpuan kepada Malaysia. -- BERNAMA

HJ NMO